



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	20/6/2019	MUKA SURAT : 12
JABATAN	:	PERHILITAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Perhilitan akan rampas beruk jantan serang kanak-kanak

KOTA BHARU - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) akan merampas beruk jantan milik seorang penduduk yang menyerang seorang kanak-kanak sehingga parah di Tumpat kelmarin.

Pengarah Perhilitan Kelantan, Ady Ermanty Haniff Mohamad Haniff berkata, tindakan itu adalah langkah permulaan untuk mengetahui sama ada penjaga haiwan itu berlesen atau tidak. "Beruk itu dipelihara untuk tujuan sara hidup,



KERATAN Kosmo! semalam.

namun kami akan berjumpa dengan pemiliknya dan mengesyorkan apa-apa yang patut dilakukan selepas ini.

"Biasanya banyak faktor beruk menjadi agresif antaranya lapar, sudah berusia, tekanan ataupun diganggu," katanya selepas melawat kanak-

kanak itu di Hospital Raja Perempuan Zainab II di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 6 petang itu, Muhammad Putra Rafiqi Mohd. Rozaidi, 9, parah diserang beruk ketika dalam perjalanan pulang ke rumah selepas beraya di rumah jiran. - Bernama